

KENYATAAN AKHBAR

CIDB HOLDINGS (CIDBH) BANTU SEDIAKAN KELENGKAPAN SEKOLAH

8 Januari 2019, Selayang, Kuala Lumpur- CIDB Holdings telah mengadakan Program Penyerahan Pakaian & Peralatan Persekolahan Sesi 2019 bagi program tanggungjawab sosial korporat di Maahad Tahfiz Al-Tijarah, Selayang.

Tujuan utama program ini diadakan ialah ingin memberikan sinar keceriaan dan semangat anak-anak yatim dan asnaf untuk kembali ke sekolah. Seramai 30 anak-anak yatim dan asnaf berumur lingkungan 7- 17 tahun menerima sumbangan yang merangkumi kelengkapan sekolah seperti alat tulis, pakaian seragam dan kasut sekolah.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, program ini sudah menjadi tradisi syarikat untuk mengenalpasti golongan-golongan yang tidak mampu bagi meringankan beban mereka. Bergerak ke hadapan CIDBH sentiasa komited meneruskan program-program seperti ini .

CIDBH tidak hanya menfokuskan kepada hal-hal perniagaan dan operasi semata-mata sebaliknya CIDBH turut menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan. Pelbagai inisiatif CSR telah dilaksanakan oleh CIDBH untuk dinikmati oleh masyarakat di luar sana termasuk warga kerja CIDBH.